

**ANALISIS KANDUNGAN LIDAH PENGARANG *BERITA HARIAN*  
DALAM TAHUN 1998 DENGAN TUMPUAN KEPADA ISU  
KEGAWATAN EKONOMI DAN POLITIK MALAYSIA**

Oleh

**MOHD NAZRI IBRAHIM**

Disertasi diserahkan untuk memenuhi  
sebahagian daripada keperluan bagi  
Ijazah Sarjana Sastera (Komunikasi)

Oktober 2000

Dedikasi...

Ayahanda, Ibrahim Hamid & Bonda, Allahyarhamah Sepora Salleh

*Junjungan kasih bersemi  
mewangi abadi*

&

seluruh ahli keluarga

*Serumpun kasih  
Sepakat sehati sejiwa*

di

Teratak Malinja, Alor Setar

## PENGHARGAAN

SYUKUR alhamdulillah ke hadrat Allah SWT kerana dengan limpah kurnia-Nya, dapat akhirnya disertasi ini disiapkan dalam tempoh yang amat padat.

Sekalung budi kepada Penyelia Utama, Prof. Madya Dr Mansor Ahmad Saman dan Penyelia Kedua, Prof. Madya Dr Mustafa Kamal Anuar yang telah memberi bimbingan dan sokongan sehingga terhasilnya penulisan ilmiah ini.

Juga penghargaan ini ditujukan kepada Regina Goh, En. Mohamad Md.Yusoff(Komunikasi USM), Cecilia Leong, Siti Zarinah Husain (Karangkraf) dan Ismail Hashim (CAP) yang memberi bantuan dalam pencarian data dan analisa. Pertolongan mereka amat dihargai kerana banyak membantu dan memudahkan kajian ini.

Terima kasih kepada pihak Universiti Sains Malaysia (USM) yang menaja pengajian ke peringkat sarjana. Juga kepada Majlis Amanah Rakyat (MARA) yang memberi dana pada saat-saat yang sangat diperlukan.

Sekalung penghargaan kepada para pensyarah Pusat Pengajian Komunikasi yang berkongsi ilmu dan membuka horizon pengetahuan – Dr Mohamed Zin Nordin, En. Zaharom Nain, Prof. Madya Dr Indrajit Banerjee, En. Hatta M.Tabut, Puan Wang Lay Kim, Dr Adnan Hussein dan Prof Madya Dr Khor Yoke Lim. Terima kasih kepada para pustakawan USM, Universiti Malaya dan staf pentadbiran Komunikasi, USM dan Jab. Pengajian Media, UM.

Kepada rakan-rakan seperjuangan – Kak Sarah, Geetha, Ong, Jew Kim, Lih Shing, Abang Razak, Zalini, Evelyn, Sharon, Sheo Hui, Ayu, Siva, Merrill, Pushpa dan Shahida Hanim – semoga berjaya di hari muka.

Titipan harapan pada “junior” – Khalil, Rusma, Sakiroh, dan Suraya dengan iringan doa semoga kejayaan yang lebih cemerlang menanti anda! Juga seuntai ingatan kepada Nu'man, Abang Sali, Alim, Joedhie, Syahar, Najmee, Azman, Mokhtar, Pak Abu, Syed Hakim, Siddique, Nuhung, Taher, Dr Adi Fahrudin, dan Aqiella Amani yang mencorakkan seribu warna pengalaman saya di kampus Minden yang indah.

Penghargaan juga kepada alumni Jabatan Pengajian Media, Universiti Malaya 1998 –Kay, Aina, Zul, Kak Ana, Yati, Wan, Hairul, Neo, Syah, Nana dan Lina (alumni Geologi UM) yang tidak jemu memberi semangat. Begitu juga bekas pensyarah di sana, terutama Puan Noor, Dr Azizah dan Dr Sidin. Tidak dilupakan teman-teman yang pernah dan masih di Kumpulan Karangkraf, terutama Syaharom, Azam, Hairul, Anuar, Rosnita, Kak Mini, Izani, Pee, Hash, Arifin, Zainal, Aniz, Farizal, Fidah, En. Hashim Anang, En. A. Jalil Ali dan Hj. Fickry Yaakob. Juga kepada Hisham, Rozi, Jeffri dan Kak Hasnah sekeluarga yang menjadi tempat menumpang selama penulis berada di Kuala Lumpur.

Akhir sekali, kepada semua pihak yang tidak tersebut namanya di sini, namun budinya tetap terpahat di sanubari dan menjadi kenangan sepanjang hayat.

PENULIS,  
DESASISWA FAJARBAKTI, USM

## Abstrak

Lidah pengarang merupakan ruangan bagi akhbar menyatakan pendapat, pegangan dan dasarnya terhadap sesuatu peristiwa atau isu. Melalui lidah pengarang, sesebuah akhbar akan menyatakan sokongan, bantahan dan cadangannya.

Kajian ini merupakan analisis kandungan terhadap lidah pengarang akhbar *Berita Harian* pada tahun 1998. Pengkaji menumpukan kepada isu kegawatan ekonomi Malaysia dan politik untuk melihat kekerapan liputan, sifat, arah, dan kecenderungan ruangan itu terhadap isu yang menggugat kepentingan orang ramai. Secara tidak langsung, dapatan kajian memperlihatkan dasar akhbar melalui kekerapan penonjolan pembolehubah yang tersebut di atas. Kajian juga bertujuan untuk mengenal pasti kategori-kategori lidah pengarang yang disiarkan dalam tempoh setahun.

Hasil analisis menunjukkan *Berita Harian* memberi perhatian kepada isu kegawatan ekonomi dan politik. Malah, lidah pengarang kategori ekonomi merupakan kategori yang paling kerap disiarkan dalam tempoh setahun. Ini membayangkan kecenderungan akhbar itu terhadap hal-ehwal ekonomi.

Lidah pengarang *Berita Harian* cenderung menyokong usaha kerajaan menangani krisis dan suara sokongan ini dinyatakan dengan jelas dalam ruangan lidah pengarangnya. Sebanyak 90.5% item kajian menyatakan persetujuan dengan langkah-langkah kerajaan. Lidah pengarang akhbar ini juga konsisten dengan sokongannya itu, tanpa mengira pertukaran jawatan tertinggi editorial dalam organisasinya. Ini mengesahkan andaian kecenderungan dasarnya yang menyebelahi kerajaan kerana polisi editorial lebih senang dianalisis apabila sesebuah akhbar menampakkan pandangan yang konsisten.

# A CONTENT ANALYSIS OF BERITA HARIAN IN 1998 WITH SPECIAL EMPHASIS ON THE ISSUES OF ECONOMIC AND POLITICAL CRISES IN MALAYSIA

## Abstract

Editorial is a place for a newspaper to state its stand on important events and issues. Through this column, a newspaper makes its suggestion, objection and opinion.

This is a content analysis of the editorials of a Malay daily, *Berita Harian* in 1998. The focus of this study is on the issues of Malaysian economic turmoil and political crisis. It attempts to look at the frequencies, characteristics, direction and tendencies of editorials at a time of political and economic crises. The research findings would reflect the newspaper's policy through the frequencies of variables as stated earlier. This study also attempts to determine the overall categories of editorials within one year.

The result shows that *Berita Harian* has focused more on economic affairs, and this category appeared frequently in the year concerned.

This study suggests that *Berita Harian* has supported the government efforts to overcome the crises. About 90.5% of the sampled editorials show that the paper concurred with government's actions to confront this turmoil. Its pro-government stand is easily determined by the consistency of its pro-government editorial.

## JADUAL KANDUNGAN

|  |      |
|--|------|
| Penghargaan  | iii  |
| Abstrak  | iv   |
| Abstract   | v    |
| Jadual kandungan   | vi   |
| Senarai jadual   | viii |
| <br>   |      |
| <b>BAB 1 PENDAHULUAN</b>                                 |      |
| 1.1. Pengenalan  | 1    |
| 1.2 Latar Belakang Kajian                                | 3    |
| 1.3 Pernyataan Masalah                                   | 11   |
| 1.4 Tujuan Kajian  | 12   |
| 1.5 Persoalan Kajian                                     | 13   |
| 1.6 Kepentingan Kajian                                   | 13   |
| 1.7 Skop Kajian  | 14   |
| <br>   |      |
| <b>BAB 2 AKHBAR DI MALAYSIA</b>                          |      |
| 2.1 Sistem akhbar di Malaysia                            | 15   |
| 2.2 Sejarah akhbar di Malaysia                           | 18   |
| 2.2.1 Perkembangan dari tahun 1876-1900                  | 19   |
| 2.2.2 Perkembangan dari tahun 1900-1941                  | 22   |
| 2.2.3 Perkembangan semasa Perang Dunia Kedua (1941-1945) | 25   |
| 2.2.4 Perkembangan dari tahun 1945-1957                  | 27   |
| 2.2.5 Perkembangan dari tahun 1957-1972                  | 28   |
| 2.2.6 Perkembangan dari tahun 1972-2000                  | 32   |
| 2.3 Sejarah dan perkembangan akhbar Berita Harian        | 35   |
| 2.4 Pemilikan akhbar Berita Harian                       | 39   |
| 2.5 Rumusan  | 43   |
| <br>   |      |
| <b>BAB 3 TEORI DAN KERANGKA TEORITIKAL KAJIAN</b>        |      |
| 3.1 Ulasan pembacaan                                     | 46   |
| 3.2 Teori dan kerangka kajian                            |      |
| 3.2.1 Lidah Pengarang, Ideologi dan Kandungan Media      | 54   |
| 3.3 Rumusan  | 60   |
| <br>   |      |
| <b>BAB 4 METODOLOGI KAJIAN</b>                           |      |
| 4.1 Kaedah Kajian  | 61   |
| 4.1.1 Analisis Kandungan                                 | 61   |
| 4.1.2 Analisis Tekstual                                  | 63   |

|                             |    |
|-----------------------------|----|
| 4.2 Kaedah Persampelan      | 65 |
| 4.3 Pemilihan Unit Analisis | 66 |
| 4.4 Pembinaan Kategori      | 67 |
| 4.5 Takrif Pengendalian     | 74 |
| 4.6 Kesahihan Pengkodan     | 83 |
| 4.7 Kaedah Analisis Data    | 84 |

## BAB 5 ANALISIS DATA KAJIAN

|  |     |
|--|-----|
| 5.1 Pendahuluan  | 85  |
| 5.2 Analisis Data  | 86  |
| 5.2.1 Kategori lidah pengarang tentang kegawatan ekonomi dan politik | 89  |
| 5.2.2 Jenis lidah pengarang  | 99  |
| 5.2.3 Penggunaan struktur penulisan lidah pengarang                  | 100 |
| 5.2.4 Kecenderungan liputan isu                                      | 104 |
| 5.2.5 Arah liputan terhadap kerajaan                                 | 105 |
| 5.2.6 Pernyataan sumber dalam lidah pengarang                        | 106 |
| 5.3 Analisis Tekstual Lidah Pengarang                                | 108 |

## BAB 6 KESIMPULAN DAN SARANAN

|                                 |     |
|---------------------------------|-----|
| 6.1 Kesimpulan                  | 112 |
| 6.2 Masalah Kajian              | 122 |
| 6.3 Cadangan Kajian Akan Datang | 123 |

## BIBLIOGRAFI

125

## LAMPIRAN

Lampiran A: Sampel lidah pengarang *Berita Harian* pada tahun 1998: tumpuan kepada isu kegawatan ekonomi dan politik

Lampiran B: Jadual unit analisis dan kategori

Lampiran C: Item lidah pengarang *Berita Harian* dalam bulan Ogos 1998 yang tidak berkaitan dengan kegawatan ekonomi dan politik

## SENARAI JADUAL

|   |     |
|---|-----|
| Jadual 5.1 Kategori lidah pengarang <i>Berita Harian</i> pada tahun 1998  | 86  |
| Jadual 5.2 Kategori lidah pengarang <i>Berita Harian</i> pada tahun 1998 mengenai Isu Kegawatan Ekonomi dan Politik | 90  |
| Jadual 5.3 Kategori Lidah Pengarang Mengenai Kegawatan Ekonomi Sebagai Isu Utama                                    | 92  |
| Jadual 5.4 Kategori Lidah Pengarang Mengenai Kegawatan Ekonomi Sebagai Isu Sampingan                                | 93  |
| Jadual 5.5 Kategori Lidah Pengarang Mengenai Kegawatan Politik Sebagai Isu Utama                                    | 94  |
| Jadual 5.6 Kategori Lidah Pengarang Mengenai Kegawatan Politik Sebagai Isu Sampingan                                | 95  |
| Jadual 5.7 Kategori Lidah Pengarang Mengenai Kegawatan Ekonomi dan Politik Sebagai Isu Gabungan                     | 97  |
| Jadual 5.8 Ringkasan Jumlah Lidah Pengarang Membincangkan Isu Kegawatan Ekonomi dan Politik pada tahun 1998         | 98  |
| Jadual 5.9 Jenis Lidah Pengarang Membincangkan Kegawatan Ekonomi dan Politik  | 100 |
| Jadual 5.10 Jenis Pendahuluan Lidah Pengarang   | 101 |
| Jadual 5.11 Jenis Penutup Lidah Pengarang   | 103 |
| Jadual 5.12 Rujukan Diri Dalam Lidah Pengarang  | 104 |
| Jadual 5.13 Kecenderungan Liputan Isu Dalam Lidah Pengarang   | 105 |
| Jadual 5.14 Arah Liputan Dalam Lidah Pengarang  | 106 |
| Jadual 5.15 Pernyataan Sumber Dalam Lidah Pengarang   | 107 |
| Jadual 5.16 Sampel lidah pengarang untuk analisis tekstual terhadap judul   | 108 |



## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1.1 Pengenalan

Media massa telah dan terus memainkan peranan yang penting dalam kehidupan manusia. Melalui kesan “penggandaan” mesej, media massa ternyata mempunyai pengaruhnya yang tersendiri dalam kehidupan manusia. Sejak beberapa lama, para sarjana komunikasi berminat menyelidiki sejauh manakah kesan media massa terhadap kehidupan manusia. Antara lain, mereka menyelidiki tentang kesan pendedahan media terhadap khalayak, seperti pengaruh akhbar dalam menentukan agenda masyarakat. Persoalannya, apakah media massa sememangnya mencerminkan keadaan sebenar yang berlaku dalam masyarakat atau ianya membentuk semula realiti sosial untuk dipersembahkan kepada khalayaknya? Persoalan sebegini tentunya sukar dijawab bagi memberi gambaran yang mewakili pandangan khalayak media yang besar.

Walau bagaimanapun, media sebagai sebuah institusi yang wujud dan berkembang dalam masyarakat tentulah tidak wujud dalam kekosongan. Sifatnya yang nyata ialah ia berinteraksi dengan khalayaknya menerusi penonjolan isu, peristiwa dan kisah yang difikirkan penting atau menarik minat khalayak. Ia tentu mempunyai set operasi, ideologi dan kecenderungan untuk memaparkan mesejnya bagi menarik perhatian khalayak. Untuk mencapai tujuannya itu, media massa cenderung memilih orientasi yang diingini.

Dengan mengambil contoh dalam proses pemilihan, penulisan dan penyebaran berita, adalah diharapkan ini dapat menunjukkan bahawa media massa membentuk semula realiti sosial. Dalam konteks ini, kita boleh merujuk kepada sebuah kajian oleh Warren

Breed mengenai kawalan sosial dalam bilik berita pada tahun 1960. Hasil kajiannya menunjukkan penerbit surat khabar, sama ada sebagai pemilik atau wakil pemilik, mempunyai hak untuk merangka dan menguatkuasakan dasar atau polisi surat khabar itu. Menurut Breed, kecenderungan dalam orientasi akhbar “tidak semestinya bermakna berdusta, tetapi lebih merupakan penghapusan, pemilihan yang berbeza-beza; merencanakan bahan yang menyokong polisi dan membenamkan cerita yang menentang polisi itu” (Severin dan Tankard, 1988: 315).

Berita itu sendiri adalah produk akhir daripada satu proses yang rumit yang bermula dengan penyisihan dan pemilihan peristiwa dan topik mengikut satu set kategori-kategori sosial yang telah dibentuk. Wartawan sebagai penyampai dan pengolah berita berperanan membentuk dan menonjolkan (*play up*) sesuatu berita. Tugas ini dilaksanakan dengan menimbulkan anasir atau elemen-elemen yang luar biasa, tragedi, dramatik, kegembiraan atau kesedihan dalam beritanya untuk menambahkan nilai berita (Hall, 1978: 53-54).

Dalam pada itu, media massa juga cenderung mempertahankan *status-quo*. Ini diperlihatkan melalui kecenderungan laporan yang kurang, tidak tepat atau tiada langsung laporan dalam isu-isu yang mempunyai konflik nilai, yang jika disiarkan boleh mengancam keselamatan negara umpamanya. Media berupaya berbuat demikian, melalui sifat persembahan mesej yang diselaraskan oleh kepentingan dominan, sama ada pemilik media itu sendiri atau pemerintah negara, atau kedua-duanya sekali.

Sesungguhnya, sifat media sebagai penyalur maklumat dan peristiwa semasa kepada masyarakat tidaklah beroperasi secara lurus seperti yang dikatakan oleh golongan idealis. Media tidak memerihalkan keadaan sebenar secara total dalam masyarakat, tetapi

cenderung menumpukan kepada aspek-aspek dan elemen-elemen tertentu. Ini sudah tentu selaras dengan ideologi yang dipegang olehnya.

Ruangan lidah pengarang sesebuah akhbar atau majalah bolehlah diandaikan sebagai ruangan untuk akhbar atau majalah menyatakan pendiriannya. Ruangan ini akan cuba menyampaikan pandangan yang telah dibentuk terhadap isu, peristiwa dan keadaan berdasarkan falsafah dan dasar akhbar untuk disajikan kepada pembaca. Dengan ciri-cirinya yang tersendiri, seperti “bebas” dari hambatan waktu yang dialami dalam memproses berita, ruangan ini merupakan ruangan khas untuk akhbar menyatakan pendapatnya. Tiada yang dapat menyangkal bahawa pemilihan isu dan peristiwa semasa untuk dibincangkan kepada khalayak juga dibentuk semula oleh para pengarang. Oleh yang demikian, realiti yang dihadapkan kepada khalayak telah dibentuk semula untuk mendapatkan konsensus awam.

Berasaskan perkara ini, maka pengkaji berminat menyelidik dan mengkaji lidah pengarang sesebuah akhbar besar di Malaysia untuk melihat sejauh mana ia membentuk semula realiti semasa yang dipaparkan melalui ruangan lidah pengarangnya. Untuk tujuan ini, pengkaji memilih akhbar *Berita Harian* kerana ia adalah satu daripada dua buah akhbar Melayu yang dianggap berpengaruh di Malaysia. Dengan mengkaji lidah pengarang akhbar ini dalam satu jangka waktu yang sesuai, maka adalah diharapkan beberapa rumusan yang berfaedah dapat dibuat.

## **1.2 Latar Belakang Kajian**

Sejak Julai 1997, satu demi satu negara-negara di Asia Tenggara yang digelar “Negara Perindustrian Baru” (NPB) dilanda kegawatan ekonomi yang menyaksikan kejatuhan

4

teruk pasaran saham masing-masing. Bermula daripada apa yang disifatkan sebagai krisis kewangan tempatan Thailand, krisis ini menular ke negara jiran, termasuklah ke Malaysia, Filipina dan Indonesia. Menjelang Oktober tahun 1997, Korea Selatan dan Hong Kong turut menanggung kesan kegawatan ekonomi ini. Daripada semua negara yang terlibat, Indonesia, Thailand dan Korea Selatan adalah negara yang paling teruk menerima kesan kegawatan ekonomi. Mereka terpaksa menerima bantuan daripada Dana Kewangan Antarabangsa (IMF) untuk memulihkan kembali ekonomi mereka yang merudum.

Kegawatan ekonomi menyebabkan penurunan mendadak pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) negara-negara bergelar "Harimau Asia" yang sebelumnya mencatat pertumbuhan ekonomi yang cemerlang. Kegawatan menyebabkan kadar pertumbuhan KDNK negara-negara itu jatuh ke tahap negatif. Bagi Thailand misalnya, pertumbuhan KDNK menjunam kepada tahap negatif pada 1998, berbanding pencapaiannya pada tahun 1997 sebanyak 6 peratus. Bagi Malaysia, unjuran pertumbuhan KDNKnya telah dijangka negatif bagi tahun tersebut. Kegawatan ekonomi ini tidak sahaja memberi kesan negatif kepada negara Asia, tetapi juga menyebabkan kemelesetan ekonomi Jepun dan kejatuhan harga ekuiti di Amerika Syarikat dan Eropah. (Eddy Lee, 1998: 3-6).

Kegawatan ekonomi menyebabkan negara-negara "Harimau Asia" itu menjadi miskin dan paling menyedihkan ialah usaha gigih bertahun-tahun lamanya untuk menempatkan diri sebagai rantau yang terpesat pembangunan ekonominya di dunia hilang begitu sahaja. Ini kerana sejak berakhirnya Perang Dunia Kedua sehingga tahun 1995, negara-negara Asia itu telah memperlihatkan kemajuan yang membanggakan jika diukur daripada prestasi ekonomi masing-masing. Hasilnya, Asia berjaya mengurangkan jumlah

kemiskinan dunia daripada 400 juta orang kepada 180 juta orang. Malah, Bank Dunia menyifatkannya sebagai satu “keajaiban ekonomi” (Jasni Matlani, 1998:30).

Latar belakang kegawatan ekonomi ini perlu dilihat di Thailand, iaitu negara pertama yang ditimpa kegawatan. Negara ini sebenarnya adalah sebuah negara yang mempunyai rekod pertumbuhan ekonomi paling baik di dunia sejak 1960. Menurut Doner dan Ramsay (1999), ekonomi Thailand adalah yang paling pesat berkembang di dunia antara tahun 1985 sehingga 1995. Namun, kepesatan pertumbuhan ini telah musnah akibat kegawatan ekonomi yang ditandai oleh kejatuhan nilai *bahinya* pada 2 September 1997.

Gejala ini bukanlah wujud dalam kekosongan tetapi adalah gabungan beberapa faktor luaran dan dalaman. Karl D. Jackson (1999) memberi tiga sebab kejatuhan ekonomi Thailand. Pertama, ia mempunyai jumlah bank yang terlalu banyak, yang terperangkap antara peminjam domestik yang tidak mampu membayar pinjaman semula dan pemberi pinjaman asing yang enggan menghulurkan pinjaman. Kedua, negara itu mengalami pengeluaran keluar modal besar-besaran sebaik sahaja krisis bermula. Ketiganya, Thailand tergolong dalam negara yang mempunyai sistem politik yang “lumpuh” (*immobilized*) semasa kegawatan ekonomi itu melanda. Selain Thailand, Jackson menyatakan faktor-faktor ini terpakai juga untuk melihat keadaan di Korea Selatan dan Indonesia.

Masalah kegawatan ekonomi memberi kesan besar terhadap negara-negara lain yang terlibat. Di Indonesia, gelombang penentangan terhadap bekas Presiden Suharto memuncak dengan masalah kegawatan ekonomi yang semakin memburuk. Kesan yang sama turut dirasai di Malaysia. Walaupun tidak seburuk nasib Thailand, kegawatan ekonomi telah menyebabkan pertumbuhan KDNK Malaysia merudum.

Menurut *Laporan Ekonomi* 1998 (hal.17), ekonomi Malaysia mengalami masalah tekanan deflasi akibat krisis kewangan serantau, dan ini mempengaruhi prestasi ekonomi keseluruhannya. Permintaan dalam negara merosot kerana pelbagai faktor, antaranya hakisan kekayaan sektor swasta akibat kejatuhan nilai saham dan aset. Selain itu, langkah Bank Negara yang menyebabkan peningkatan kadar faedah yang tinggi sehingga September 1998 mengekang pertumbuhan kegiatan ekonomi. Keadaan mudah tunai yang ketat dan ketidakpastian prospek jangka pendek ekonomi dan pekerjaan juga merencatkan pertumbuhan ekonomi negara. Kejatuhan nilai ringgit berbanding dolar Amerika Syarikat menyebabkan Malaysia terpaksa membayar 60% lebih tinggi untuk mendapatkan satu dolar.

Keadaan ini diburukkan lagi kerana krisis itu bersifat serantau, yang mana negara-negara rakan dagangan utama Malaysia di rantau ini turut sama mengalami pertumbuhan yang lembap dan ini menjejaskan eksport negara. Ini berikutan kurangnya permintaan terhadap eksport Malaysia. Situasi ini mengakibatkan penguncupan dalam permintaan agregat dan mempengaruhi prestasi sektor perkilangan, perkhidmatan dan pembinaan. Walaupun sektor pertanian dan perlombongan menikmati keuntungan berikutan harga eksport yang tinggi kerana penyusutan nilai ringgit, namun pengeluaran dari kedua-dua sektor itu berkurangan. Secara keseluruhannya KDNK Benar Malaysia telah menguncup buat pertama kalinya semenjak tahun 1985. *Laporan Ekonomi* 1998 menyatakan; "penguncupan ini begitu ketara dan belum pernah dialami, iaitu sebanyak 2.8% dalam suku tahun pertama dan 6.8% bagi suku tahun kedua."

Berikutan kegawatan ekonomi, pelbagai pihak memberi pelbagai sebab-musabab berlakunya krisis ini. Penilaian ini pula dibuat berdasarkan perspektif masing-masing.

Perdana Menteri Malaysia, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamed, menyalahkan spekulator asing yang hanya ingin mengambil kesempatan dengan melakukan kegiatan spekulasi matawang hingga menjatuhkan prestasi ekonomi negara-negara Asia. George Soros, ahli spekulator matawang yang memiliki firma pengurusan dana Quantum Fund, menjadi sasaran utama kecaman Dr Mahathir. Tidak menghairankan jika Soros benar-benar menyalahkan Dr Mahathir kerana cuba menjadikan dirinya sebagai *scapegoat* padahal kegawatan itu sendiri adalah akibat ketidakcekapan pengurusan ekonomi oleh Dr Mahathir sendiri (Lim, Kit Siang, 1998: xx). Dr Mahathir turut mengaitkan kejatuhan nilai ringgit dengan konspirasi Barat yang dengki terhadap kejayaan Malaysia.

Namun, pengkritik dasar ekonomi kerajaan menganggap amalan liberalisasi ekonomi dan dasar ekonomi tidak berhemat kerajaan menyebabkan kegawatan ini lebih buruk. Muncul anggapan bahawa amalan kapitalisme-kroni telah mempengaruhi prestasi dan kualiti ekonomi dengan campur tangan kerajaan dalam usaha perniagaan. (Jomo, K.S. dan Gomez, 1999: 185-190).

Kegawatan ekonomi menyebabkan "pertelagahan" dalam kerajaan mengenai cara menangani krisis itu. Pada permulaannya, di bawah pimpinan bekas Menteri Kewangan, Datuk Seri Anwar Ibrahim, kerajaan cuba melaksanakan pendekatan dengan mengurangkan perbelanjaan awam dan memperketatkan dasar kewangan untuk membendung susut nilai tukaran matawang. Natijahnya, keadaan bertambah buruk apabila kos modal yang meningkat dan pengecutan kredit memberi kesan buruk kepada sektor perniagaan. Sektor perniagaan tidak dapat bergerak lancar kerana kekangan seperti kadar faedah pinjaman efektif yang terlalu tinggi, yakni melonjak sehingga 26 peratus setahun.

Tindakan Anwar itu dilihat sebagai mencontohi resipi IMF yang dilihat tidak mampu untuk memulihkan ekonomi, malahan pakar-pakar ekonomi dunia, seperti Paul Krugman, Jeffrey Sachs dan Peter Nolan, juga mempersoalkan kemujarabannya (*Massa*, 12 September 1998). Tindakan kerajaan dilihat lebih mementingkan kekukuhan industri kewangan daripada kepentingan sektor ekonomi.

Dengan penyingkiran Anwar daripada kabinet pada 2 September 1998, Malaysia mula mengadakan langkah baru dengan diterajui oleh Dr Mahathir dahulu sebelum diamanahkan kepada Tun Daim Zainuddin. Antara langkah drastik ialah kawalan modal terpilih yang membawa kepada penetapan nilai ringgit pada RM3.80 berbanding dolar Amerika. Kerajaan sebenarnya telah mula mencuba dasar baru (bagi Malaysia) dengan melaksanakan Pelan Pemulihan Ekonomi Nasional yang dilaksanakan pada Julai 1998. Pelan ini memberi kelonggaran pula kepada dasar kewangan dan mempertingkatkan perbelanjaan awam. Langkah kawalan modal terpilih pula dikuatkuasakan pada September 1998 untuk membendung spekulasi ke atas ringgit di pasaran antarabangsa dan mengawal aliran keluar modal jangka pendek yang boleh memudaratkan ekonomi negara (*Time*, 8 Februari 1999).

Kegawatan ekonomi dan cara pengendaliannya ternyata mendapat pelbagai pandangan, sama ada negatif atau positif, daripada pelbagai pihak. Krisis yang berlarutan itu juga mencetuskan krisis dalaman pentadbiran negara dengan menyaksikan penyingkiran Anwar Ibrahim pada 2 September 1998 atas tuduhan salah laku seksual yang sungguh mengaibkan. Lanskap politik Malaysia berubah bila isu ini menarik perhatian ramai. Rentetan itu, kegiatan demonstrasi giat dilakukan di ibu negara khasnya oleh



penyokong bekas Timbalan Perdana Menteri itu kerana tidak berpuas hati dengan "hukuman" yang dijatuhkan kepada Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Kemelut politik antara Dr Mahathir dengan Anwar berakhir dengan satu tindakan yang mengejutkan. Pemecatan Anwar daripada jawatan Timbalan Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan Timbalan Presiden UMNO berlaku di tengah-tengah kegawatan ekonomi negara. Orang awam terperanjat dengan peristiwa itu. Sebenarnya bahang krisis ini mula hangat apabila isu nepotisme dan kronisme dibangkitkan sepanjang Perhimpunan Agung UMNO ke-52 pada Jun 1998.

Pada persidangan itu, Ketua Pergerakan Pemuda UMNO, Datuk Ahmad Zahid Hamidi memulakan perbahasan dengan mengungkit isu panas ini. Ekoran itu, Dr Mahathir mengeluarkan senarai nama-nama syarikat dan orang perseorangan yang mendapat faedah daripada Dasar Ekonomi Baru. Di dalam senarai itu juga ada nama Zahid, anak Dr Mahathir dan keluarga Anwar sendiri. Menurut Dr Mahathir, pemberian itu bukan diberi oleh Perdana Menteri, sebaliknya kebanyakan tender diuruskan oleh Kementerian Kewangan.

Ramai pengkritik dan pemerhati politik melihat Zahid sebagai instrumen Anwar untuk menghangatkan soal kronisme dan nepotisme ini. Namun, hubungan antara Dr Mahathir dan Anwar kelihatan baik pada ketika itu, sehinggakan Dr Mahathir sendiri membuat sidang akhbar selepas Perhimpunan di mana beliau akan mempertahankan Anwar berhubung tuduhan daripada buku *50 Dalil Mengapa Anwar Tidak Boleh Jadi PM*. Anwar pula mengikrarkan sokongan kepada Dr Mahathir.

Perlantikan Tun Daim sebagai Menteri Tugas-tugas Khas empat hari selepas itu dilihat sebagai isyarat kepada kegawatan politik dalam pucuk pimpinan negara.

Seterusnya, perletakan jawatan Ketua Pengarang Utusan Malaysia, Datuk Johan Jaafar, pada 14 Julai mengukuhkan hipotesis kegawatan yang berlaku. Ini diperkuatkan dengan berita penukaran Ketua Pengarang Berita Harian, Datuk Ahmad Nazri Abdullah, ke Malaysian Resources Sdn Bhd (MRCB) dan perletakan jawatan Pengarah Operasi TV3, Yunus Said. Semua ini dikaitkan dengan usaha Dr Mahathir untuk menghalang pengaruh Anwar melalui media massa. Jika beliau tidak berbuat begitu, tentulah sukar untuk meneruskan agenda politik dan pemulihan ekonominya (*Massa*, 12 September 1998).

Ternyata Anwar yang dibawa masuk ke dalam UMNO oleh Dr Mahathir sendiri akhirnya menjadi saingan yang tidak terduga dan sukar ditumpaskan kecuali melalui tindakan senekad itu. Kegawatan ekonomi memperlihatkan percanggahan pendapat antara Anwar dan Dr Mahathir. Anwar dilihat berdegil melaksanakan langkah pemulihan ekonomi mengikut caranya yang menyaksikan prestasi pasaran saham jatuh teruk dan nilai ringgit merosot sehingga mencecah RM4.88 berbanding AS\$1 pada awal tahun 1998.

Keadaan yang buruk itu menyebabkan permintaan menyelamatkan banyak syarikat korporat yang tenat. Dr Mahathir sendiri menyuarakan gesaan ini. Malang bagi Dr Mahathir kerana bagi Anwar (sebagai Menteri Kewangan) kerajaan perlu telus jika benar-benar mahu bertindak menyelamatkan para korporat itu dan perlu mengelakkan amalan kronisme, nepotisme dan kolusi yang semakin memburuk dalam masyarakat.

Anwar terus berhadapan dengan saat genting apabila Datuk Nallakaruppan Solaimalai, seorang ahli perniagaan yang dikaitkan dengannya, ditahan kerana menyimpan 125 peluru jenis Fiocchi 6.35mm di rumahnya. Beliau terlibat dengan affidavit pertuduhan dalam kes itu. Pada 2 September tahun itu, Anwar diberi pilihan oleh Dr Mahathir, sama ada meletak jawatan atau dilucutkan jawatan pentadbirannya. Beliau

memilih untuk dilucutkan jawatannya kerana mendakwa ada konspirasi peringkat tertinggi yang ingin menggulingkannya. Akhirnya Anwar hanya tinggal sebagai wakil rakyat Permatang Pauh yang dimenangnya pada pilihan raya umum 1995, manakala semua jawatan politiknya hilang. Pemecatan Anwar meninggalkan kesan yang bukan sedikit kepada politik Melayu khasnya dan Malaysia amnya.

Dalam konteks ini, peranan media sebagai penyalur maklumat adalah penting. Maklumat yang disalurkan bukan sahaja untuk pengetahuan kepada masyarakat, malah boleh memandu pemahaman, tanggapan dan penerimaan isu seperti yang diarahkan. Misalnya, akhbar boleh meredakan kegelisahan rakyat dengan meyakinkan mereka tentang usaha kerajaan yang bersungguh-sungguh untuk membawa negara keluar dari masalah besar ini.

Akhbar pula melalui penampilan berita dan ruangan lidah pengarangnya berusaha menampilkan agenda yang ada. Mengikut andaian pengkaji, kecenderungan dasar yang disalurkan oleh akhbar itu berkait dengan ideologi dan pemilikannya. Misalnya akhbar yang menyokong kerajaan akan berusaha memaparkan segala kebaikan langkah-langkah kerajaan untuk mengatasi sebarang masalah. Ia juga cuba menghentikan kebimbangan, kecurigaan dan kemarahan rakyat berikutan persepsi mereka yang menganggap sesuatu tindakan itu tidak wajar dilaksanakan.

### **1.3 Pernyataan Masalah**

Akhbar adalah media massa yang penting dalam menyalurkan maklumat kepada masyarakat. Selain melaporkan, yakni memberi maklumat; akhbar juga berfungsi sebagai penghibur, pendidik dan pemujuk. Sebagai sebuah institusi penting dalam kehidupan

manusia moden, sehingga digelar *the fourth estate*, akhbar memupuk pandangan dunia khalyak melalui persembahan dan peliputan yang diberi terhadap peristiwa semasa.

Menurut Handayani (1995:7), akhbar mempunyai ciri-ciri media massa seperti berikut, iaitu bersifat satu hala, komunikator yang berinstitusi, dapat digandakan, dan dapat menimbulkan keserentakan pada pihak khalyak dalam menerima mesej-mesejnya. Oleh kerana sifatnya yang dapat mengumpul dan membentuk kecenderungan umum terhadap isu dengan memberi penekanan terhadap sesetengah isu, maka para pengkaji media mula menjalankan kajian mengenai keupayaan media massa untuk membentuk pendapat umum.

Kajian yang menumpukan kepada kecenderungan dalam lidah pengarang yang diterbitkan pada setiap hari diharap dapat memberi gambaran tentang dasar dan pendirian sesebuah akhbar itu. Dasar sesebuah akhbar akan lebih mudah dilihat apabila pendapatnya begitu tetap dan tidak berubah dalam menyatakan pendiriannya terhadap sesuatu isu yang berkait dengan kepentingan awam.

Arah rencana itu, sama ada untuk memujuk dan mendidik juga dapat dilihat dengan cara ia mempersembahkan analisisnya. Yang paling utama, ialah pernyataan dalam akhbar yang membayangkan kepentingan golongan dominan. Media yang sedemikian berperanan mengukuhkan setiap takrif yang diberikan oleh institusi yang lebih berkuasa dalam mengarah dan membentuk mesej kepada khalyak.

#### 1.4 Tujuan Kajian

Kajian ini dijalankan untuk memenuhi tujuan-tujuan berikut:

1. Untuk melihat dengan lebih mendalam apakah kecenderungan dasar akhbar itu terhadap sesuatu isu melalui paparan lidah pengarang;
2. Untuk melihat bagaimana pihak akhbar membentuk arah (*framing*) sesuatu isu menurut kepentingan mereka kepada pihak pembaca;

3. Mendapat maklumat dan gambaran yang lebih lengkap tentang pola, jumlah, arah dan sifat lidah pengarang sesebuah akhbar dalam tahun kajian.

### 1.5 Persoalan Kajian

Pengkaji membuat andaian bahawa sesebuah akhbar yang nyata menyokong kepentingan sesuatu pihak akan menyiarkan berita atau rencana yang menyokong dan menyebelahi kepentingan pihak yang disokong itu. Persoalannya, sejauh manakah kita dapat mengetahui secara akademik kebenaran andaian ini. Kajian ini akan cuba menjawab persoalan yang telah dibincangkan dan diolah pengkaji terdahulu. Berdasarkan andaian ini, maka persoalan kajian dirangka seperti berikut:

1. Apakah lidah pengarang dengan secara konsisten memperlihatkan pandangan akhbar terhadap sesuatu isu?
2. Apakah keutamaan jenis lidah pengarang yang diberi oleh *Berita Harian* untuk menyampaikan pendiriannya kepada umum?
3. Apakah kategori, pola, jumlah dan sifat lidah pengarang yang dipaparkan dalam tempoh setahun kajian ini?

### 1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini diharap dapat memberi sumbangan seperti berikut:

1. Dapat memperlihatkan kecenderungan ruangan lidah pengarang akhbar itu mengupas isu besar yang terjadi dalam masyarakat;
2. Dapat menunjukkan dengan jelas andaian bahawa media yang mempunyai kepentingan pemerintah sebenarnya mendukung agenda yang sama dengan pemerintah;
3. Dapat menunjukkan bentuk, jumlah dan arah ruangan lidah pengarang dalam tahun kajian sebagai gambaran deskriptif;
4. Dapat memberi sumbangan akademik dalam kajian bidang kewartawanan khasnya, dan ilmu komunikasi umumnya.

## 1.7 Skop Kajian

Kajian ini hanya akan menumpukan kepada ruangan lidah pengarang dalam akhbar *Berita Harian* sepanjang tahun 1998. Tahun 1998 dipilih kerana dua sebab. Pertama, ianya adalah tahun yang neutral yakni tanpa pilihanraya umum. Adalah diandaikan akhbar tidak menekankan arah liputan yang lebih menumpukan kepada hanya isu besar sahaja yakni pilihan raya. Kedua, tahun itu merupakan tahun yang mana berlaku dua peristiwa besar kepada Malaysia. Kegawatan ekonomi yang merebak ke Malaysia menyebabkan muncul krisis dalam pentadbiran negara, selain kesan-kesan negatif kepada ekonomi, sosial dan kesejahteraan negara dan rakyat. Yang nyata, perbezaan pendapat antara pemimpin teratas negara telah mementaskan krisis politik yang parah dengan perlucutan jawatan Datuk Seri Anwar Ibrahim daripada jawatan Timbalan Perdana Menteri. Kesannya bukan sedikit dengan tuduhan moral yang buruk kepada pemimpin yang selama ini terkenal dengan rekod dan aura kepimpinan yang "bersih."

Jangkamasa setahun dipilih untuk melihat *trend* dan kecenderungan akhbar *Berita Harian* dalam mengupas isu yang terjadi di sekeliling. *Berita Harian* sebagai sebuah akhbar harian berbahasa Melayu aliran perdana tentu dapat membantu untuk menunjukkan pemberatan isu yang menyentuh kepentingan dan agenda orang Melayu. Isu pemecatan yang dibincangkan di atas banyak menimbulkan kontroversi dalam perjuangan politik dan perpaduan bangsa Melayu khususnya. Dapatan kajian diharap dapat menjelaskan fenomena kecenderungan akhbar menentukan agendanya dan memberi *framing* kepada isu-isu penting yang berkaitan dengan dunia kita.

## BAB 2

### AKHBAR DI MALAYSIA

#### 2.1. Sistem Akhbar di Malaysia

Sistem akhbar di antara sesebuah negara dan negara yang lain mempunyai kelainan. Sistem akhbar di sesebuah negara dibentuk oleh banyak faktor. Menurut Syed Arabi Idid (1989:11), sistem akhbar sesebuah negara dipengaruhi oleh beberapa faktor seperti sejarahnya, kandungan penduduknya, budayanya, dasar kerajaan, pembangunan ekonomi, politik dan sistem perundangannya.

Terdapat banyak perbincangan mengenai pengkelasan sistem akhbar di dunia. Ada yang mengelaskannya mengikut corak pemerintahan sesebuah negara. Pengkelasan sebegini akan menghasilkan pembahagian sistem yang berasaskan pembahagian politik dunia seperti sistem media dunia pertama, kedua dan ketiga. Pengkelasan mengikut ideologi politik pula akan menggolongkan sistem itu ke dalam kecenderungan ideologi seperti demokrasi, komunis, sosialis dan lain-lain.

Masalahnya adalah untuk menentukan batasan dalam ideologi itu sendiri, yakni model yang berlainan dalam sesuatu ideologi itu sendiri. Misalnya amalan demokrasi difahami dan diamalkan oleh sesebuah negara, ditakrif dan diamalkan mengikut kesesuaian sesebuah negara. Model demokrasi di Malaysia adalah berbeza dengan model di India, misalnya. Ini menimbulkan permasalahan dalam takrifan.

Siebert et. al . memasukkan negara-negara Dunia Ketiga seperti Malaysia sebagai negara yang terletak di bawah Tanggungjawab Sosial. Walau bagaimanapun, pandangan Siebert ini hanya diterima sebahagiannya sahaja, dan dikritik pula oleh para pengkaji

seperti Merrill, McQuail, Hachten dan Lowenstein. Menurut Mohd Safar Hasim (1996), sistem akhbar di Malaysia harus dilihat berdasarkan falsafah negara, yakni Rukun Negara dan Perlembagaan Malaysia.

Apapun penilaian mengenai sistem akhbar di Malaysia, ia harus mempertimbangkan faktor sejarah di mana akhbar merupakan warisan British yang diubahsuai dan diperkembangkan mengikut kesesuaian negara ini. Persoalan pemilikan dan kawalan merupakan aspek yang harus diberi perhatian juga dalam melihat perkembangan sistem akhbar di negara ini. Undang-undang yang dikuatkuasakan, sama ada secara langsung atau pun tidak, membentuk sistem akhbar yang sedemikian rupa. Undang-undang akan menentukan batasan terhadap pengendalian akhbar. Ia juga menjadi garis panduan kepada pengusaha dan pengamal akhbar dalam operasi seharian.

Pengenaan kawalan menerusi undang-undang sebenarnya telah dimulakan seawal penjajahan British lagi. Hakikatnya pelaksanaan tapisan sebelum penerbitan, pelesenan mesin cetak dan keperluan permit penerbitan telah menjadi asas pelaksanaan undang-undang seperti Akta Mesin Cetak dan Penerbitan, 1984. Selain itu, undang-undang yang mengawal keselamatan negara seperti Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), Akta Rahsia Rasmi, Akta Hasutan dan Akta Fitnah membendung kebebasan mutlak akhbar di negara ini. Keseluruhannya kawalan menerusi undang-undang ini boleh dikelompokkan kepada dua yakni, yang pertamanya ialah undang-undang yang menetap dan menyekat pihak media untuk mendapatkan maklumat. Keduanya, undang-undang yang menyekat percetakan (Zaharom & Ramli, 1989: 6-7).

Menurut Zaharom Nain dan Ramli Mohamed (*ibid*: 13), kawalan oleh pihak kerajaan ini walaupun atas dasar keselamatan dan kestabilan negara dilihat akan



menghancurkan peluang dan keupayaan generasi muda mendapatkan pengetahuan dalam proses pembesaran mereka. Mereka hanya akan menerima pandangan dari sebelah pihak sahaja yang berupa propaganda dan tidak dapat membangunkan pemikiran mereka.

Pemilikan pula merupakan ciri yang menarik dalam menilai persuratkhabaran di sesebuah negara. Sudah menjadi satu kenyataan bahawa akhbar-akhbar utama di negara ini seperti *Utusan Malaysia*, *Berita Harian*, *New Straits Times* dan *The Star* dikuasai oleh parti pemerintah. Kajian-kajian oleh Gomez (1990) dan Pang (1990) menunjukkan syarikat besar seperti Renong dan Hua Ren, yang sememangnya rapat dengan parti pemerintah menguasai industri media tempatan.

Pada peringkat *allocative* pula, wujud perkembangan di mana individu-individu yang berkuasa dalam lembaga pengarah syarikat-syarikat media ini adalah mewakili kepentingan parti pemerintah. Menurut Zaharom (1991), tiga daripada Pengarah *Utusan Melayu* dipastikan adalah golongan UMNO Baru. Menurutnya lagi, "apabila pemilikan secara ekonomi syarikat-syarikat media tempatan yang terbesar adalah di dalam tangan mereka yang berganding bahu dengan kuasa dominan, dan apabila kuasa *allocative* pula dipegang oleh individu-individu yang berkait rapat dengan pemerintah, maka tidak hairanlah kaitan media dengan negara menjadi begitu rapat dan mesra" (*ibid.*: 151).

Pemilikan parti pemerintah terhadap media perdana telah bermula seawal 1961 apabila UMNO membeli saham *Utusan Melayu*. Langkah kedua ialah selepas tragedi 13 Mei di mana rombakan besar dilakukan terhadap sistem ekonomi, politik dan ekonomi negara. Pengurangan kegiatan berpolitik melalui pakatan Barisan Nasional, penyusunan semula masyarakat melalui Dasar Ekonomi Baru dan pengehadan pemilikan asing dalam syarikat di negara ini giat dilaksanakan (Mohd Safar Hasim, 1996:6). Tindakan ke atas

institusi akhbar menyaksikan langkah “menasionalkan” akhbar Malaysia melalui pemilikan saham dalam The New Straits Times Press (Malaysia). UMNO, melalui sayap pelaburannya, Fleet Holdings, menjadi pemegang saham utama.

Kesemua faktor di atas harus dipertimbangkan untuk melihat sistem akhbar di sesebuah negara. Pertimbangan latar sejarah, budaya, ekonomi dan politik negara memungkinkan kita melihat satu kerangka sistem akhbar yang tersendiri dan memahami kenapa ia terjadi.

## **2.2 Sejarah Akhbar di Malaysia: Tumpuan kepada Persuratkhabaran Melayu dari 1876 Sehingga 2000**

Akhbar adalah jenis media massa paling awal diperkenalkan di negara ini sepertimana juga negara-negara lain di rantau ini. Dalam hal ini, kita tidak dapat menafikan kepentingan peranan yang dimainkan oleh British dalam memperkenalkan akhbar di negara ini, seperti mana mereka memperkenalkan jenis-jenis media massa yang lain selepas itu, seperti radio dan televisyen. Jika dibandingkan dengan televisyen misalnya, akhbar mewarisi zaman kolonial yang panjang. Jelasnya, ia diperkenalkan sewaktu Inggeris menjajah negara ini.

Pengenalan dan pengukuhan persuratkhabaran tidak hanya disokong kuat oleh adanya teknologi percetakan semata-mata. Ahmat Adam (1992:19) mengaitkan sejarah pertumbuhan dan perkembangan industri persuratkhabaran (yang meliputi semua penerbitan berkala, sama ada akhbar mahupun majalah di Kepulauan Melayu) dengan “kehadiran orang Eropah dan pengukuhan imperium Eropah di wilayah-wilayah rantau ini.” Pernyataan beliau ini merujuk kepada kegiatan pendakwahan Kristian yang memiliki modal dan kemahiran percetakan dengan menerbitkan akhbar-akhbar pada peringkat awal.

Perluasan ideologi, ekonomi dan politik Barat memainkan peranan penting dalam mengukuhkan persuratkhabaran di rantau ini.

Mengikut catatan sejarah, akhbar pertama yang diterbitkan di Malaysia ialah *The Government Gazette* (adalah nama asal akhbar ini sebelum ditukar kepada *The Prince of Wales Island Gazette*) yang diterbitkan pada 28 Februari tahun 1806 oleh A.B. Bone, seorang tukang lelong dan pencetak. Beliau diberi izin oleh Syarikat Hindia Timur Inggeris dengan syarat menerima tapisan sebelum cetak. Sebagai penerbit yang berpengalaman menerbitkan dua buah akhbar sebelumnya di Madras, Bone akur dengan syarat itu (Mohd Safar Hasim, 1996: 40).

Untuk kepentingan kajian ini, pengkaji akan menumpukan kepada perkembangan persuratkhabaran Melayu, dari mulanya akhbar Melayu pertama ditubuhkan pada 1876 sehinggalah tahun 2000, apabila bentuk akhbar Melayu berubah seiring perkembangan teknologi semasa; di samping perkembangan sistem ekonomi, politik dan sosial negara.

### **2.2.1 Perkembangan dari tahun 1876 sehingga ke 1900**

Akhbar Melayu pertama ialah *Jawi Peranakan (JP)* yang diterbitkan pada tahun 1876 di Singapura. Ia diterbitkan oleh sekumpulan orang India Muslim yang diketuai oleh Munsyi Muhammad Said bin Dada Muhyiddin. Beliau dikatakan seorang yang berpendidikan tinggi, mempunyai pandangan dunia yang luas, berada dan mempunyai status sosial yang tinggi di kalangan masyarakat (ibid: 58). *Jawi Peranakan* adalah akhbar mingguan empat halaman, yang terbit setiap hari Isnin dengan cogan kata “Tawakal itu sebaik-baik Bekal” dan dijual pada harga 30 sen senaskhah. Isi kandungannya berkisar sekitar peristiwa di Kepulauan Melayu dan senarai harga barangan dagangan di pasaran

Singapura. Ia juga memberi ruang kepada penyiaran makalah-makalah bimbingan akhlak, panduan agama dan teguran terhadap pemerintahan Inggeris.

Perkembangan akhbar Melayu pada peringkat awal itu dikuasai oleh golongan India Muslim. Malah, mereka menerbitkan akhbar itu kerana tertarik kepada perkembangan akhbar-akhbar dan majalah yang pesat berkembang di Pulau Jawa dan Sumatera pada tahun-tahun 1860-an dan 1870-an. Hakikatnya, selain minat, mereka adalah juga golongan pemodal yang mempunyai keupayaan ekonomi untuk menerbitkan sesebuah akhbar.

Akhbar *Jawi Peranakkan* mempunyai edaran sekitar 250 naskhah dan disifatkan sebagai “bacaan tertinggi” di sekolah-sekolah tempatan masa itu (E.W. Birch, 1984: 38; dikutip oleh Samat Buang, 1993: 45). Akhbar ini mampu bertahan sehingga lebih kurang 20 tahun. *Jawi Peranakkan* boleh dikatakan sebagai usaha penerbitan yang serius dengan pengedarannya yang meluas. *Jawi Peranakkan* bukan setakat diedarkan di Negeri-negeri Selat, Riau, dan Sumatera Barat, tetapi sampai ke Betawi dan Semarang. Akhbar ini juga mempunyai agen-agen yang berpejabat di London, Pulau Pinang, Melaka, Klang, Kuala Kangsar, Johor, Deli, Padang, Betawi, dan Sarawak (*ibid.*, 45).

Selain *Jawi Peranakkan*, ada beberapa akhbar Melayu yang penting seperti *Sekola Melayu*. Akhbar ini diterbitkan oleh bekas pengarang *Jawi Peranakkan*, Muhammad Ali Ghulam al-Hindi pada 19 April 1877. Bersesuaian dengan namanya, akhbar ini disasarkan kepada murid-murid sekolah di Singapura. Kandungannya meliputi berita am, iklan, dan berita luar negara yang diterjemahkan dari akhbar berbahasa Inggeris. Sebelum terbitnya *Sekola Melayu*, ada beberapa akhbar lagi cuba diterbitkan, walaupun tidak begitu berjaya.

Akhbar-akhbar ini adalah *Syamsul Kamar*, sebuah akhbar mingguan. Ini disusuli penerbitan *Nujumul Fajar* yang terbit pada 4 September 1877 (Samat Buang, 1993: 35).

Selain berpusat di Singapura, ada juga akhbar yang diterbitkan di negeri lain seperti *Seri Perak* yang diterbitkan secara harian di Taiping, Perak pada awal Julai 1893. Walau bagaimanapun, ia tidak bertahan lama (ditutup pada Disember 1894) kerana penerbitnya, Sayid Abdul Hassan bin Burhan, gagal mendapatkan pengganti pengarangnya, Muhammad Omar, yang berpindah ke Selangor kerana uzur (*ibid*). Akhbar lain yang diterbitkan di Perak ialah *Jajahan Melayu*, yang diterbitkan oleh Mohd Omar Haji Abu Bakar, pada 5 November 1896. Ia bertahan sehingga 1897. Sebuah akhbar lagi, *Warta Kerajaan Perak* diterbitkan pada Januari 1897. Ia adalah akhbar bulanan bertulisan jawi, yang kemudiannya ditingkatkan penerbitannya kepada dua kali sebulan.

Golongan Baba Peranakan turut menerbitkan akhbar dalam bahasa Melayu. Usaha mereka ini dimulakan dengan penerbitan akhbar separa bahasa Melayu yakni *The Straits-Chinese Herald* pada 1894. Hayat akhbar ini tidak lama kerana kurang mendapat sambutan. Usaha menerbitkan akhbar diteruskan oleh Kesatuan Orang-orang Cina Kristian Singapura dengan pelancaran *Bintang Timor* pada 2 Julai 1894. *Bintang Timor* mengandungi empat halaman, dengan dua halaman dikhususkan kepada iklan. Ia turut memuatkan karya-karya sastera hasil nukilan cendekiawan Cina seperti cerpen bersiri, syair dan esei. Ia bertahan sehingga Mac tahun 1895. Seperti di Indonesia, kelompok Baba Peranakan memilih bentuk “bahasa Melayu rendah” atau “Melayu Baba” sebagai wahana penyampai mesej kepada khalayak sasaran. Berakhirnya penerbitan akhbar ini menandakan berakhirnya penglibatan secara langsung kaum Baba Peranakan dalam persuratkhbaran Melayu (Ahmat Adam, 1992:71-74).

Pulau Pinang turut menjadi tempat penerbitan akhbar berbahasa Melayu. Antaranya ialah *Tanjung Penegeri* (4 November 1894), *Pemimpin Warta* ( 4 November 1895), *Bintang Timur* (1 Mac 1900), dan *Lingkungan Bulan* ( 30 April 1900) (*ibid*: 35-36).

### 2.2.2 Perkembangan dari tahun 1900 sehingga 1941

Pada zaman ini, lebih banyak akhbar Melayu yang diterbitkan, dan perkembangan pesat ini merancakkan lagi dunia persuratkhabaran Melayu. Apa yang nyata, ialah penguasaan golongan India Muslim dalam industri ini semakin berkurangan. Lebih ramai orang Melayu yang melibatkan diri dalam usaha ini dan keadaan ini mempengaruhi isi kandungan akhbar yang sejajar dengan kepentingan dan perjuangan kelompok yang diwakili. Usaha penerbitan akhbar juga telah berkembang dari usaha kecil-kecilan kepada perusahaan yang lebih besar, setanding dengan penerbitan kepunyaan bangsa lain.

Menurut John A.Lent (1978), *mood* dunia kewartawanan Melayu berubah dengan kemunculan akhbar *Al-Imam* pada Julai 1906. Akhbar ini diterbitkan oleh Sayyid Sheikh Al-Hadi dan disunting oleh Sheikh Mohd. Tahir Jalaluddin. Berbeza dengan akhbar-akhbar terdahulu yang mengutamakan hal-hal sosial dan kesusasteraan, *Al-Imam* tampil membawa pembaharuan dengan menekankan pembaharuan sosial dan keagamaan di Tanah Melayu. Ini dibuktikan dengan pernyataan lidah pengarangnya yang “mahu mengingatkan mereka yang terlupa, membangunkan mereka yang terlenu, memimpin mereka yang keliru, dan memberi peluang bersuara kepada mereka yang arif.” (dipetik dari Lent, 1978: 48). Menurut Roff, *Al-Imam* menyeru kepada kesedaran tentang kemunduran orang Melayu, penguasaan oleh orang asing terhadap bangsa Melayu, kemalasan mereka, persengketaan sesama kaum dan ketidakupayaan untuk bekerjasama ( dipetik dari Lent, *ibid* ).

Usaha *Al-Imam* diteruskan oleh akhbar-akhbar berikutnya seperti *Utusan Melayu* (1907), *Neracha* (1911) dan *Lembaga Melayu* (1914). Mohd Eunus Abdullah, seorang pemimpin nasionalis Melayu, menjadi pengarang akhbar-akhbar ini; pertamanya sebagai Pengarang *Utusan Melayu* (1907-1909) dan seterusnya Pengarang *Lembaga Melayu* (1914-1931).

Pada tahun 1920-an, isu-isu pendidikan orang Melayu telah menjadi perhatian ramai berikutan pendedahan tentang hal ini oleh akhbar-akhbar seperti *Saudara* (1928, Pulau Pinang). Selain itu, *Saudara* memperjuangkan pembaharuan agama melalui perbezaan pendapat antara golongan muda dan golongan tua, dan membangkitkan kesedaran sosial (seperti persamaan hak wanita).

Perkembangan selanjutnya semakin pesat dari tahun 1926 sehingga 1941. Ini disebabkan beberapa faktor seperti kadar kenal huruf yang semakin meningkat yang mewujudkan permintaan yang tinggi terhadap bahan-bahan bacaan seperti akhbar dan majalah. Lulusan sekolah Melayu semakin bertambah pada masa itu berbanding tempoh akhir abad ke-19. Pada masa itu, ibu bapa Melayu sangsi dengan faedah menghantar anak-anak masing-masing ke sekolah yang tidak mengajar pelajaran agama Islam. Langkah A.M. Skinner, Pemangku Majistret di Seberang Perai, menggubal kurikulum baru yang menggabungkan kelas pengajian al-Quran dengan mata pelajaran akademik nyata menarik ramai orang Melayu ke sekolah. Pada tahun 1938 sahaja, terdapat 1, 169 buah sekolah Melayu di seluruh Tanah Melayu, termasuklah di Negeri-negeri Selat (Mok Soon Sang & Lee Shok Mee, 1988: 13-15).

Selain itu, kesedaran kebangsaan (nasionalisme) yang mula merebak di kalangan orang Melayu dan kepentingan akhbar sebagai media bagi orang Melayu turut menjadi

faktor yang penting. Antara akhbar yang menyuarakan keadaan orang Melayu ialah *Warta Malaya* (1930, Singapura), *Majlis* (1931, Kuala Lumpur), *Suara Benar* (1932, Melaka), *Bumiputera* (1933, Pulau Pinang), *Lembaga* (1935, Singapura), dan *Utusan Melayu* (1939, Singapura).

*Majlis* merupakan akhbar yang pertama menyediakan ruangan khas untuk membincangkan soal politik dan kepentingan orang Melayu. Ini tidak menghairankan kerana pemiliknya adalah keluarga usahawan Melayu Selangor yang mengasaskan Selangor Press. Namun, sebuah akhbar yang paling sentimental bagi orang Melayu ialah *Utusan Melayu*. Ini tidak menghairankan kerana kewujudannya diasaskan oleh kesedaran orang Melayu pada tahun 1930-an untuk mempunyai wadah yang memperjuangkan politik mereka. Rancangan ini diperjuangkan oleh Kesatuan Melayu Singapura dan ini merupakan bibit-bibit perhubungan awal di antara akhbar dan pergerakan politik.

*Utusan Melayu* bukanlah ditubuhkan untuk mencari keuntungan, sebaliknya untuk menjadi pembela kepada bangsa Melayu yang masih dijajah. Rencana pengarang keluaran sulungnya, antara lain menyatakan: "...akhbar *Utusan Melayu* bersendi atau berpolisi kepada: pertama, berkhidmat kepada bangsa; kedua berkhidmat kepada agama dan ketiga berkhidmat kepada watan..." (Chamil Wariya, 1988:255). Penubuhannya berhasil dengan sumbangan wang dari orang ramai, dan hasilnya *Utusan Melayu* menemui pembaca pada 29 Mei 1939. *Utusan Melayu* adalah akhbar pertama yang dimodali, dimiliki dan diuruskan sepenuhnya oleh orang Melayu sejati berbanding akhbar terdahulu yang dimiliki oleh golongan Jawi Peranakan, Arab, dan Melayu Arab.

Yusoff Ishak, pemimpin terkenal Melayu semasa itu, telah bekerja kuat untuk merealisasikan kewujudan *Utusan Melayu*. Beliau dibantu Embok Soloh Haji Omar dan